

## Pengetahuan sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia menurut Perspektif Islam Knowledge as An Element of Human Responsibility from the Islamic Perspective

MUHAMMAD ATIULLAH OTHMAN  
INDRIATY ISMAIL

### ABSTRAK

*Dapatan terdahulu telah menunjukkan pengetahuan ialah satu daripada elemen tanggungjawab manusia. Kaitan antara pengetahuan dan tanggungjawab telah terbukti dengan penjelasan kerangka dalam pemikiran Islam dan undang-undang Islam. Objektif utama makalah ini adalah untuk memahami asas pengetahuan dalam agama Islam dan mengenal pasti justifikasi pengetahuan yang dapat mengesahkan tanggungjawab manusia. Kajian ini menggunakan penulisan klasik dan terkini dalam pelbagai disiplin terutamanya dalam pemikiran dan undang-undang Islam. Metode kajian yang digunakan ialah kaedah induktif untuk memahami pandang para cendekiawan Islam terhadap tanggungjawab pengetahuan, kaedah deduktif juga digunakan untuk mengemukakan pandangan-pandangan ini dan mengenal pasti prinsip Islam berkaitan tanggungjawab pengetahuan. Di samping itu juga, kajian ini memberi tumpuan pada kaedah perbandingan dengan membandingkan pelbagai pandangan agar dapat melihat persamaan dan perbezaan dalam kalangan cendekiawan Islam. Kajian ini menemukan asas pengetahuan dalam agama Islam yang bersandarkan 'ilm daruri. Dengan 'ilm daruri, pengetahuan manusia dapat dijustifikasi agar mengenalpasti tanggungjawab manusia. Kajian ini juga mendapati asas memahami baik dan buruk menunjukkan kaitan antara pengetahuan agama dan pengetahuan akal. Baik dan buruk ini merupakan asas penjelasan kepada justifikasi pengetahuan sebagai satu darimada elemen tanggungjawab dalam Islam.*

*Kata kunci: Pengetahuan; tanggungjawab; kebaikan dan kejahatan; pemikiran Islam*

### ABSTRACT

*Previous findings have shown knowledge is one of the elements of human responsibility. The relationship between knowledge and responsibility is proven within the explanation frameworks of Islamic thought and Islamic law. The main objective of this article is to understand the fundamentals of knowledge in Islam and to identify the justifications of knowledge which could verify mankind's responsibilities. This study employs classical, as well as the most recent literature from various disciplines, namely in Islamic thought and Islamic law. The research methodology used is the inductive method to understand the Muslim scholars' views on the responsibility that comes with knowledge, in addition to the deductive method to generalise these views and to identify Islamic principles in relation to responsibilities of having knowledge. In addition, this research focuses on the comparative methodology by comparing different viewpoints in order to highlight the similarities and differences amongst Muslim scholars. This study has discovered the fundamentals of knowledge Islam, which is based on 'ilm daruri. With 'ilm daruri, mankind's knowledge can be justified in order to identify mankind's responsibility. This study as also discovered that the basic ability to distinguish between virtue and vice proves the relationship between religious knowledge and reasoning knowledge. This concept of virtue and vice is the foundation of the explanation that justifies knowledge as one of the elements of responsibility in the Islamic religion.*

*Keywords: Knowledge; responsibility; good and bad; Islamic thought*

### PENGENALAN

Pengetahuan sudah menjadi perbincangan penting dalam dunia pemikiran Islam. Malah, pengetahuan merupakan elemen yang amat berkait rapat dengan justifikasi tanggungjawab bagi menentukan tanggungjawab seseorang. Dughaym (1992: 213) menyebut kedudukan perbincangan pengetahuan ini sangat berkait rapat dengan tiga elemen tanggungjawab. Kaitan pertama ialah elemen perbuatan memerlukan kudrat agar mengeluarkannya

kepada bentuk realiti. Kaitan kedua pula, elemen perbuatan juga memerlukan elemen kehendak agar melakukan pilihan yang mengkhususkan bentuk perbuatan. Manakala kaitan ketiga, elemen perbuatan turut memerlukan kepada elemen pengetahuan untuk menghukum baik dan buruk dan analisis susulan perbuatan.

Perbincangan mengenai elemen-elemen ini dinyatakan Muktazilah secara berasingan, iaitu kudrat, kehendak, pengetahuan dan perbuatan dibincangkan satu persatu (Dughaym 1992: 149-

264). Manakala al-Asha‘irah menyebut elemen-elemen ini di bawah polemik perbuatan manusia (al-Zirkan t.th.: 510-546; al-Shafi‘i 1998: 467-478). Polemik perbuatan manusia ini juga merupakan *action theory* (teori perbuatan) (Weiner 1995: 7-9, 21; Hastings & Selbie 2000, 1:75-78). Terdapat karya yang hanya mengkhususkan kaitan perbuatan dengan pengetahuan dan kebebasan seperti Borchert (2006: 489). Kedapatan juga karya yang mengaitkan perbuatan dengan pengetahuan dan kehendak seperti Honderich (1995: 4-5), *Routledge Concise Encyclopedia of Philosophy* (2000: 5) dan al-Hajj (2000: 375). Keutamaan pengetahuan dalam menjustifikasi tanggungjawab turut diperkatakan Angelo Corlett, Keith Lehrer, Robert Audi, Hilary Kornblith, Laurence Bonjour, Charles Taylor dan Liao Shenbai (Wolf 1999: 479; Corlett 2008: 179-182; Liao 2009: 621).


Kajian ini mengkaji semula asas pengetahuan yang berkaitan rapat dengan tanggungjawab manusia. Tanggungjawab dapat dijustifikasikan dengan pengetahuan, iaitu kewujudan pengetahuan menunjukkan kewujudan tanggungjawab dan tanpa pengetahuan menunjukkan tiada tanggungjawab. Kajian ini turut memaparkan justifikasi baik dan buruk dalam pemikiran Islam yang menunjukkan pengesahan pengetahuan berdasarkan agama dan akal serta kaitannya dengan tanggungjawab manusia. Oleh yang demikian, pengetahuan baik dan buruk turut menunjukkan kewujudan tanggungjawab dan tanpa pengetahuan baik dan buruk menunjukkan tiada tanggungjawab.

## KERANGKA TEORI

Konsep tanggungjawab ialah tumpuan utama dalam penulisan ini. Maksud tanggungjawab dari sudut bahasa menurut *Kamus Dewan* (2010: 1601) ialah kewajipan yang dipikul oleh seseorang atau segala yang wajib ditanggung. Zainal Abidin (1997: 1889) turut membawa pengertian yang sama terhadap tanggungjawab, iaitu menjadi tugas dan tanggungan, kewajipan, beban, pikulan, tugas dan amanah. Manakala dari sudut istilah pula, Darraz (1988: 136) menyatakan istilah tanggungjawab adalah *كون الفرد مكلفاً بأن يقوم ببعض الأشياء، وبأن يقدم عنها حساباً إلى زيد من الناس* (kenyataan bahawa individu yang menanggung atas hal-hal tertentu dan yang menyediakan suatu perkiraan dari sekumpulan manusia). Pengistilahan ini tidak jauh berbeza dengan Christopher (2006: 422) yang mendefinisikan tanggungjawab sebagai *accountability for the actions one perform and the*

*consequences they bring about for which a moral agent could be justly punished and rewarded.*

Penilaian tanggungjawab dilihat melalui ganjaran dan hukuman, atau bersalah dan tidak bersalah. Penilaian ini berdasarkan empat unsur, iaitu perbuatan, kudrat atau kebebasan, pengetahuan dan kehendak yang diambil daripada pandangan Dughaym (1992: 144-261), yang mengaitkan manusia dengan empat unsur, iaitu kudrat, pengetahuan, kehendak dan perbuatan. Tujuan empat unsur ini dikaitkan dengan tanggungjawab adalah untuk menjustifikasi tanggungjawab manusia yang juga disebut *epistemic responsibility* (epistemologi tanggungjawab) (Corlett 2008: 179-200). Rajah 1 di bawah menerangkan kerangka teori yang digunakan bagi kajian ini.



RAJAH 1. Kerangka Teori Kajian  
SUMBER. Muhammad Atiullah 2015

Justeru, pendekatan tulisan ini meneliti penjelasan tanggungjawab dan menumpukan kepada pengetahuan. Maksud pengetahuan ialah perihal mengetahui, apa-apa yang diketahui, perihal tahu, kepandaian, kebijakan dan ilmu iaitu segala yang diketahui atau dipelajari berkenaan sesuatu (*Kamus Dewan* 2010: 1571), kepandaian, ilmu atau keilmuan, kebijaksanaan, kepakaran, keahlian, kecekapan, kemahiran, kepintaran, pelajaran, pendidikan, kebijaksanaan, makrifat, maklumat, anggapan, fikiran, pandangan dan pendapat (Zainal Abidin 1995:1846) serta ilmu, sesuatu yang difahami atau dimengerti, pendengaran dan pemakluman (Hamzah 2001: 1097).

Pengetahuan mempunyai erti yang sama dengan ‘ilmu’, iaitu pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir dan batin, kajian berkenaan sesuatu perkara, sampainya diri kepada makna dan hadirnya makna dalam diri seseorang (*Kamus Dewan* 2010: 567), pengetahuan, kebijakan, kepandaian, jampi serapah dan petua-petua, tangkal, azimat, guna-guna,

pemakaian (untuk menjaga badan) pelajaran dan kajian (Zainal Abidin 1995: 660) serta pengetahuan, kepandaian dan bidang (Hamzah 2001: 467).

#### ASAS PENGETAHUAN DAN 'ILM DARURI

Asas pengetahuan dalam pemikiran Islam adalah sangat perlu untuk menjustifikasikan sesuatu sama ada benar atau salah, baik atau buruk dan bertanggungjawab atau tidak. Imam al-Razi menyatakan manusia pada asalnya dilahirkan tanpa pengetahuan, sehingga seorang bayi tidak mengenali ibunya ketika dilahirkan. Begitu juga, fitrah manusia adalah kosong menurut pandangan akal kerana pandangan ini mungkin lenyap atau terlupa (al-Zirkan t.th.: 489-490; Muhammad Atiullah 2006: 156).

Manusia mungkin lupa atau kehilangan maklumat ketika menginginkan jawapan dalam fikirannya, sama ada secara umum seperti lupa mengenai sesuatu masalah, atau lupa secara khusus seperti lupa mengenai kelebihan setiap analisis dalam setiap perbincangan (Muhammad Atiullah 2006: 156-157). Bahkan, manusia menjadi terlupa tanpa kehendaknya walaupun tiada penyakit lupa. Lupa jenis ini adalah pasti ditimpa atas manusia walaupun manusia itu telah mempunyai pengetahuan yang banyak (Bahannasi 1991, 4:340). Menurut Imam al-Razi dan al-Amidi, walaupun manusia mempunyai sifat lupa, manusia mempunyai kemampuan mendapat maklumat hasil daripada sebab luaran, sama ada melalui penilaian, penyaksian dan pengulangan penyaksian, pendengaran atau pemikiran (al-Shafi'i 1998: 459).

Manusia juga mempunyai kemampuan pemrosesan maklumat secara berfikir (al-Shafi'i 1998: 465; al-Zirkan t.th.: 493). Malah, penghasilan analisis akal yang betul adalah penyandaran dapatan kepada 'ilm daruri, sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga kaedah pemikiran merupakan maklumat yang pasti (al-Shafi'i 1998: 462). Maksud 'ilm daruri ini ialah ilmu yang asas tanpa perlu penghasilan pemikiran dan pendalilan. Bahkan, 'ilm daruri melalui satu daripada jenis ilmu di bawah:

1. Ilmu yang diterima daripada pancaindera seperti pendengaran dan penglihatan;
2. Ilmu daripada perasaan dalaman seperti pengetahuan manusia mengenai keenakan dan kesakitannya;
3. Ilmu berkaitan dengan kebiasaan seperti pengetahuan kita bahawa bukit tertentu adalah kukuh; atau
4. Ilmu yang berkaitan dengan manusia yang tidak dapat dihayalkannya seperti ilmu mengenai

pertengahan antara penafian dan pengesahan serta dua berlawanan yang tidak mungkin terhimpun (al-Shafi'i 1998: 460).

Rumusannya, seseorang mempunyai kemampuan untuk mengetahui sesuatu walaupun manusia mungkin terlupa dan kehilangan maklumat. Tambahan pula, manusia berkemampuan memproses maklumat berdasarkan 'ilm daruri yang tidak mungkin manusia mengelak darinya. Asas prinsip inilah, kewujudan dan ketiadaan pengetahuan menjadi asas perbincangan tanggungjawab.

#### PENGETAHUAN IALAH ELEMEN TANGGUNGJAWAB

Syariat Islam menetapkan seseorang tidak dikira bertanggungjawab sekiranya tiada maklumat, tiada pengetahuan atau kejahilan terhadap sesuatu perkara dengan syarat tanpa kelalaian. Dengan lain perkataan, seseorang itu perlu bertanggungjawab walaupun wujud sedikit kelalaian. Malah, syariat Islam tidak menerima keuzuran 'lalai' dan seseorang itu hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kelalaiannya (Bahannasi 1991, 2:45; al-Maydani 2002: 130-131).

Pandangan ini bersandarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas yang menegaskan keuzuran pengetahuan hanyalah pada kesilapan, lupa dan terpaksa. Rasulullah SAW bersabda, yang mafhumnya: "Sesungguhnya Allah mengampunkan dari umatku kesilapan, lupa dan dipaksa atasnya" (Sunan Ibn Majah, *Kitab al-Talaq, Bab Talaq al-Mukrah wa al-Nasi*).

Pengetahuan ini hendaklah bersama kesedaran akal yang sempurna bagi menjustifikasi pengetahuan. Kesedaran akal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh 'Ali ibn Abi Talib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, yang madhumnya: "Diangkat pena (menulis segala amalan seseorang) daripada tiga (perkara) seorang yang tidur sehingga dia bangun, daripada seorang budak sehingga dia bermimpi dan daripada orang gila sehingga dia pulih" (Sunan Abu Dawud, *Kitab al-Hudud, Bab al-Majnun Yasriq 'aw Yusib*). Hadis ini jelas menunjukkan tanggungjawab seseorang itu dikecualikan ketika akal belum matang seperti budak, orang gila, dan tiada kesedaran seperti tidur (Muhammad 1991: 167; Bahannasi 1991, 2:61-62; Bahannasi 1991, 4:6-10, 94-95 & 339).

Jikalau seseorang tiada halangan terhadap akal dan mempunyai akal yang sedar dan mampu menjustifikasi, para pemikir Islam menjelaskan

JADUAL 1. Perbezaan Pandangan Muktaẓilah dan al-Asha‘irah Berhubung Diskusi Baik dan Buruk (B&amp;B)

Polemik	Muktaẓilah	al-Asha‘irah
1 Hakikat B&B <i>Contoh:</i>	B&B adalah berkaitan dengan zatnya. Kezaliman dan berbohong adalah buruk pada zatnya serta keadilan dan benar adalah baik pada zatnya.	B&B adalah berkaitan dengan sifat dan keadaannya. Pembunuhan adalah baik jikalau ia adalah bunuh balas berdasarkan hukum Syarak dan dianggap buruk jikalau pembunuhan kerana perseteruan peribadi.
2 Justifikasi B&B	Akal dapat menjustifikasi B&B.	Syarak menjustifikan B&B.
3 Peranan Syarak	Syarak hanya memberitahu B&B yang dapat diketahui akal bukan mengadakan B&B.	Peranan Syarak adalah mengizinkan kebaikan dan melarang keburukan.
4 Peranan para rasul	Kedatangan para rasul hanya memberitahu sesuatu yang telah diketahui sebelumnya.	Peranan Syarak adalah mengizinkan kebaikan dan melarang keburukan.
5 Penentuan taklif dan tanggungjawab	Tanggungjawab dan taklif dapat diketahui akal tanpa Syarak menunjukkannya. tanggungjawab dan taklif ditentukan.	Tanggungjawab dan taklif ditentukan ketika ada hukum Syarak, sebaliknya jikalau tiada hukum Syarak yang menentukan, tiada

SUMBER. Muhammad Atiullah 2015

justifikasi pengetahuan bagi menentukan tanggungjawab manusia juga berkaitan dengan polemik baik dan buruk (B&B). Menurut al-Zirkan (t.th: 510-512), al-Shafi‘i (1998: 435-436) dan Dughaym (1992: 267, 269, 210, 297, 312), polemik B&B ini wujud antara Muktaẓilah dan al-Asha‘irah. Polemik ini dapat dibahagikan kepada empat polemik sebagaimana digambarkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual di atas menunjukkan perbezaan pandangan antara Muktaẓilah dan al-Asha‘irah mengenai B&B. Bagi Muktaẓilah, B&B adalah berkaitan dengan zatnya. Ini bermakna, kezaliman dan mencuri adalah buruk pada zatnya serta keadilan dan pemurah adalah baik pada zatnya. Perihal B&B dapat ditentukan oleh akal yang menjustifikasikan B&B. Peranan Syarak hanya memberitahu B&B yang dapat diketahui oleh akal. Malah kedatangan para rasul hanyalah memberitahu pada sesuatu yang sudah diketahui sebelumnya. Justeru, tanggungjawab dan taklif dapat diketahui oleh akal tanpa Syarak menunjukkan B&B.

Berbeza dengan pandangan al-Asha‘irah, B&B adalah berkaitan dengan sifat dan keadaannya bukan zatnya. Sebagai contoh, pembunuhan jikalau berkaitan dengan hukuman mati terhadap pembunuh yang ditetapkan Syarak adalah baik berbanding jikalau berkaitan dengan perseteruan peribadi

adalah buruk. Hal ini hanya dapat dijustifikasi oleh Syarak dan agama. Peranan Syarak adalah untuk mengizinkan kebaikan dan menghalang keburukan. Kedatangan para rasul adalah untuk menetapkan hukum daripada Allah SWT kepada manusia. Malah, jikalau tiada hukum Syarak diturunkan, tiadalah tanggungjawab dan taklif.

Namun, perbezaan ini membentuk pandangan ketiga yang cuba menghimpunkan kedua-dua pandangan lagi, pandangan Muktaẓilah dan al-Asha‘irah mengalami perubahan sehingga kedua-dua pandangan ini mempersetujui antara satu sama lain (al-Zirkan t.th: 514; al-Shafi‘i 1998: 437). Bahkan persetujuan pandangan ini seakan-akan bergabung tertakluk kepada makna yang dinyatakan oleh Imam al-Razi (1991: 202):

Makna Pertama: Maksud baik dan buruk adalah pada sesuatu mempunyai kesempurnaan dan kekurangan. Contohnya, berilmu adalah baik dan kejahilan adalah buruk. Akal dapat menerima maksud ini tanpa dikaitkan dengan syarak.

Makna Kedua: Maksud baik dan buruk berdasarkan tujuan *maslahah* atau *mafsadah*. Jikalau ia mengikut kepada tujuan adalah baik, dan jikalau tidak mengikut kepada tujuan adalah buruk. Perkara ini juga dapat ditanggapi akal seperti makna pertama.

Makna Ketiga: Maksud pada baik dan buruk berkaitan dengan pujian dan ganjaran atau kejian dan pembalasan. Perkara ini merupakan punca percanggahan.

Makna kedua diperakui oleh golongan al-Asha'irah sejak dahulu lagi seperti al-Juwayni (1997, 1: 8; 1950: 261) dan al-Ghazali (1997: 64; 1988: 96). Manakala makna pertama ini ialah perubahan nyata yang dimulakan oleh al-Razi sebagaimana yang diperkatakan oleh Ibn Taymiyyah (t.th., 2:92). Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.th.: 253-254) turut menyetujui makna pertama dan kedua bukanlah asas pertelingkahan antara al-Asha'irah dan Muktaẓilah mengenai baik dan buruk.

Asas pertelingkahan ini hanyalah pada makna ketiga, iaitu baik dan buruk berkaitan dengan pujian dan ganjaran atau kejian dan pembalasan. Golongan Muktaẓilah berpandangan perkara ini dapat diterima akal. Justeru, manusia dituntut dengannya, diberi ganjaran ke atasnya atau diberi pembalasan walaupun tiada didatangi Syarak. Manakala golongan al-Asha'irah berpendapat perbuatan tidak mewajibkan ganjaran dan pembalasan. Kewajiban ganjaran dan pembalasan ialah apabila Syarak menetapkan sesuatu arahan dan tegahan (al-Zirkan t.th.: 514).

Bagi Muktaẓilah seperti al-Asadabadi (t.th.: 234) menerima makna ketiga ini dengan penakulan akal dengan mengatakan:

Sesungguhnya pengetahuan dengan asal-usul keburukan-keburukan, kewajiban-kewajiban dan kebaikan-kebaikan adalah pasti (daruri). Ia merupakan daripada sejumlah kesempurnaan akal. Jikalau demikian tidak diketahui dengan akal, pastilah menjadi tidak diketahui selama-lamanya, kerana analisis dan pendalilan tidak datang melainkan barangsiapa yang sempurna akal. Tidaklah menjadi sedemikian melainkan dia mengetahui secara pasti (daruri) dengan perkara-perkara ini bagi menunjukan atasnya taklif.

Rumusannya, pengetahuan yang perlu bertanggungjawab ialah ilmu yang jelas dengan kesedaran yang sempurna. Malah, seseorang juga perlu mengetahui baik dan buruk sesuatu perbuatan. Hal ini telah diperkatakan oleh Muktaẓilah dan al-Asha'irah apabila membahaskan baik dan buruk. Oleh yang demikian, jikalau pengetahuan dilihat melalui tanggungjawab, hendaklah pengetahuan tersebut boleh mengesahkan tanggungjawab. Rumusan sebegini turut disebut oleh al-Zuhayli (1998: 133-135) yang menyatakan para ulama bersepakat mengenai tiga syarat yang berkaitan dengan pengetahuan, iaitu (1) syarat pertama perbuatan hendaklah diketahui oleh Mukallaf dengan pengetahuan yang sempurna sehingga tergambar tujuannya; (2) syarat kedua hendaklah seseorang mengetahui tuntutan Allah SWT bagi perbuatan sehingga menganggapnya sebagai ketaatan dan ikutan arahan Allah SWT; dan (3) syarat

ketiga ialah perbuatan tidak mustahil dilakukan dari sudut akal.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keperluan pengetahuan sebagai penentu tanggungjawab, ini bermakna kewujudan dan ketiadaan tanggungjawab amat bergantung kepada kewujudan ketiadaan tanggungjawab. Oleh yang demikian, pengetahuan mempunyai hubungan yang relatif dengan tanggungjawab, iaitu ketiadaan pengetahuan bermakna ketiadaan tanggungjawab dan kewujudan pengetahuan bermakna kewujudan tanggungjawab. Pengetahuan yang perlu dipikul dengan tanggungjawab ini perlu kepada kesedaran. Tanpa kesedaran kerana halangan seperti gila, tidur dan akal yang belum sempurna, tanggungjawab ini seakan tidak jelas dan tidak menentu.

Meskipun wujud polemik yang hangat antara Muktaẓilah dan al-Asha'irah pada peringkat awal, golongan terkemudian dalam kalangan Muktaẓilah dan al-Asha'irah pula menyetujui hujah masing-masing dan menyimpulkan Syarak dan akal dapat menentukan B&B. Melalui justifikasi B&B ini, tanggungjawab manusia dapat ditentukan melalui tahap kebaikan dan keburukan yang perlu dilakukan. Dengan pengetahuan ini, wujudlah tanggungjawab manusia yang bakal menerima ganjaran kebaikan dan balasan hukuman yang setimpal.

## RUJUKAN

- al-Asadabadi, 'Abd al-Jabbar ibn Ahmad. t.th. *al-Mughni fi Abwab al-Tawhid wa al-'Adl*. al-Qahirah: al-Mu'assasat al-Misriyyah al-'Ammah.
- Bahannasi, Ahmad Fathi. 1991. *al-Mawsu'ah al-Jina'iyah fi al-Fiqh al-Islami*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Borchart, D.M. (pnyt.). 2006. *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Thomson Gale.
- Christopher, J. 2006. *Encyclopedia Dictionary of Philosophy*. New Delhi: Anmol Publications Pvt. Ltd.
- Corlett, J. 2008. Epistemic responsibility. *International Journal of Philosophical Studies* 16(2): 179-200.
- Darraz, Muhammad 'Abd Allah. 1998. *Dustur al-Akhlaq fi al-Qur'an: Dirasah Muqaranah li al-Akhlaq al-Nazariyyah fi al-Qur'an*. Terj. Shahin, 'Abd al-Sabur. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Dughaym, Samih. 1992. *Falsafah al-Qadr fi Fikr al-Mu'tazilah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad. 1988. *al-Iqtisad fi al-'Itiqad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad. 1997. *al-Mankhul min Ta'liqat al-Usul*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asarah.
- al-Hajj, Kamil. 2000. *al-Mawsu'ah al-Muyassarah fi al-Fikr al-Falsafi wa al-Ijtima'i*. Bayrut: Maktabat Lubnan Nashirun.
- Hamzah. 2001. *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.
- Hastings, J. & Selbie, J.A. 2000. *Encyclopædia of Religion and Ethics*. London: T&T Clark Ltd.
- Honderich, T. 1995. *The Oxford Companion to Philosophy*. New York: Oxford University Press.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn 'Abd al-Halim ibn 'Abd al-Salam ibn 'Abd Allah. t.th. *Min Majmu'at al-Rasa'il al-Kubra*. al-Qahirah: Sharikah Tab' al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. t.th. *Madarij al-Salikin*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Juwayni, 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allah ibn Yusuf. 1950. *al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-'I'tiqad*. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- al-Juwayni, 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allah ibn Yusuf. 1997. *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: Maktabat al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan*. 2010. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liao, S. 2009. Responsibility for doing what is right: Aristotle approach and difficulties. *Journal of Chinese Philosophy* 36(4): 618-628.
- al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah. 2002. *al-Akhlaq al-Islamiyyah wa Ususuha*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Muhammad 'Abd Ra'uf. 1991. *The Muslim Mind Foundation and Early Manifestation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Atiullah Othman. 2006. *Kashf al-Haqa'iq fi Tahrir al-Daqa'iq* li Mufaddal ibn 'Umar al-'Abhari: Dirasah wa tahqiq. Tesis Sarjana. Kuliyyat Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah.
- Muhammad Atiullah Othman. 2015. Elemen tanggungjawab menurut Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Razi, Muhammad ibn 'Umar. 1991. *Muhassal Afkar al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhhirin*. al-Qahirah: Maktabat Dar al-Turath.
- Routledge Concise Encyclopedia of Philosophy*. 2000. New York: Routledge.
- al-Shafi'i, Hasan. 1998. *al-Amidi wa Ara'uhu al-Kalamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Weiner, B. 1995. *Judgement of Responsibility: A Foundation for a Theory of Social Conduct*. New York: The Guilford Press.
- Wolf, S. 1999. Sanity and the metaphysics of responsibility. Dlm. Schoeman, F.D. (ed.). *Reason and Responsibility*, hlm. 465-473. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Zainal Abidin Safarwan. 1997. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- al-Zirkan, Muhammad Salih. t.th. *Fakhr al-Din al-Razi wa Ara'uhu al-Kalamiyyah wa al-Falsafiyah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Muhammad Atiullah Othman  
 Jabatan Pengajian Sosial dan Kenegaraan  
 Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Perguruan Sultan Idris  
 35900 Tanjong Malim  
 Perak Darul Ridzuan  
 MALAYSIA  
 atiullah@fsk.upsi.edu.my

Indriaty Ismail  
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA  
 indriaty@ukm.edu.my